

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	10 March 2016

Dr. Mahathir khianati perjuangan sendiri

UM - 10/3/2016

PASIR MAS 9 Mac - Bekas Presiden UMNO, Tun Dr. Mahathir Mohamad telah mengkhianati perjuangannya sendiri selepas bersekongkol dengan musuh-musuh politiknya seperti Lim Kit Siang semata-mata untuk menjatuhkan Datuk Seri Najib Tun Razak sebagai Perdana Menteri.

Setiasaha Badan Perhubungan UMNO negeri, Datuk Hanafi Mamat berkata, sebagai bekas pemimpin nombor satu parti, Dr. Mahathir tidak sepatutnya menjadi pelopor kepada gerakan untuk menjatuhkan Najib.

"Setiap pentadbiran ada kelemahan dan kekuatannya yang

tersendiri. Pada pendapat saya Najib seorang pemimpin yang cukup cakna kepada rakyat.

"Bukan itu sahaja, beliau sentiasa memberikan respon kepada setiap teguran berkaitan dengan kelemahan dalam pentadbirannya," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan sumbangan wang ihsan kepada pesakit buah pinggang kronik Nora Salleh, 41 di Kampung Serdang di sini hari ini.

Yang turut hadir, Pentadbir Mukim Kawasan Dewan Undan-

gan Negeri (DUN) Tendong, Abdullah Sulaiman dan Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Kampung Persekutuan (JKKP) Kubang Sepat, Mohd. Zin Daud.

Hanafi yang juga Ketua UMNO Bahagian Pasir Mas berkata, pihaknya akan terus memantapkan gerakan parti dalam memastikan Perdana Menteri terus menerajui pentadbiran negara dengan penuh iltizam, tanggungjawab dan amanah.

Beliau turut menyeru kepada seluruh ahli UMNO untuk berdiri teguh di belakang kepemimpinan Najib sebagai Presiden UMNO.